



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

AMALAN PENGAJARAN GURU BAHASA ARAB MENERAPKAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DI SEKOLAH MENENGAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NAJLAA SHAZANA BINTI MOHAMAD

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

AMALAN PENGAJARAN GURU BAHASA ARAB MENERAPKAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DI SEKOLAH MENENGAH

NAJLAA SHAZANA BINTI MOHAMAD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 2/8/2022

Student'Declaration:

Saya, NAJLAA SHAZANA BINTI MOHAMAD, M20191000719 FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk AMALAN PENGAJARAN GURU BAHASA ARAB MENERAPKAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DI SEKOLAH MENENGAH adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

Supervisor's Declaration:

Saya DR. TAJ RIJAL BIN MUHAMAD ROMLI dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk AMALAN PENGAJARAN GURU BAHASA ARAB MENERAPKAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DI SEKOLAH MENENGAH dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA (ASTERA).

09/08/2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: AMALAN PENGAJARAN GURU BAHASA ARAB MENERAPKAN
KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DI SEKOLAH MENENGAH

No. Matrik / Matric's No.: M20191000719

Saya / I: NAJLAA SHAZANA BINTI MOHAMAD
(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sainan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

TERHAD/RESTRICTED Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS


(Tandatangan Pelajar / Signature)


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 9 OGOS 2022

Catatan: Jika Tesis/Disertesi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah setinggi-tinggi syukur saya panjatkan kepada Allah S.W.T, tuhan sekian alam kerana atas rahmat dan kasihNya, saya dapat menyempurnakan tesis ini dengan jayanya. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kerana memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana. Selain itu, saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Penyelia Utama saya iaitu Dr. Taj Rijal bin Muhamad Romli serta rakan-rakan seperjuangan dalam pengajian saya ini iaitu Ummi Nadjwa binti Wahiyudin dan Hafizah Aiyshah binti Mohd Ali yang banyak membantu dari sudut sokongan moral, nasihat dan tunjuk ajar kepada saya sepanjang kajian ini dijalankan.

Seterusnya, dedikasi ini juga saya tujukan kepada semua ahli keluarga saya terutama suami saya, Mohd Abdul Rahman bin Mohd Arof yang memberi keizinan kepada saya untuk meneruskan pengajian ini. Tidak lupa juga kepada ibu saya yang tercinta, Hajjah Latifah binti Omar serta anakanda-anakanda saya iaitu Muhammad Muaz, Ahmad Ziyad dan Abdullah Afnan serta seluruh ahli keluarga saya yang lain yang sentiasa mendoakan saya sepanjang tempoh pengajian ini. Ingatan rindu juga buat almarhum ayahanda Hj Mohamad bin Nasri. Semoga jalan menimba ilmu ini mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T.

Ucapan penghargaan terima kasih ini juga saya tujukan kepada semua pihak yang turut terlibat dalam menjayakan kajian saya ini iaitu Bahagian Tajaan dan Pembiayaan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), pihak EPRD KPM, Jabatan Pelajaran Negeri Johor (JPNJ), pihak sekolah serta Guru Cemerlang Bahasa Arab (GCBA) yang sudi menjadi peserta kajian dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung membantu saya menjalankan kajian ini.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon maaf atas kekurangan yang terdapat dalam kajian ini. Saya berharap kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua orang terutamanya guru-guru Bahasa Arab di semua peringkat di Malaysia.





ABSTRAK

Amalan penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pengajaran guru bahasa Arab merupakan amalan yang perlu diterapkan secara eksplisit iaitu secara langsung. Walaupun KBAT telah lama dicanangkan dalam dunia pendidikan di Malaysia, namun tahap pengetahuan dan aplikasi KBAT dalam kalangan guru bahasa Arab masih di peringkat sederhana. Tidak dinafikan terdapat segelintir guru-guru bahasa Arab yang menerapkan KBAT dalam pengajaran mereka, namun penerapan ini adalah secara tidak langsung. Arus transformasi dalam dunia pendidikan mendorong guru-guru bahasa Arab mengubah cara pengajaran tradisional yang lebih kepada pemusatan guru kepada pengajaran yang berpusatkan kepada murid melalui penerapan KBAT ini. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka amalan pengajaran menerapkan KBAT terhadap empat orang guru bahasa Arab di peringkat sekolah menengah di negeri Johor. Tiga persoalan kajian yang ditumpukan ialah i) Apakah amalan pengajaran guru bahasa Arab bagi menerapkan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi? ii) Mengapakah guru menerapkan amalan pengajaran tersebut dalam menerapkan elemen KBAT semasa pengajaran bahasa Arab? iii) Bagaimanakah strategi pengajaran guru bahasa Arab yang berkesan menerapkan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi semasa pengajaran bahasa Arab di dalam kelas? Reka bentuk kajian ialah kajian kualitatif berbentuk kajian kes (satu kajian pelbagai tempat). Peserta kajian pula adalah guru-guru cemerlang bahasa Arab negeri Johor yang dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Data kajian dikumpulkan melalui pemerhatian tidak turut serta, temubual separa berstruktur serta analisis dokumen. Kaedah tematik digunakan untuk menganalisis data-data kajian yang telah dikumpulkan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa peserta-peserta kajian telah menggunakan tiga amalan pengajaran yang utama iaitu amalan main peranan, amalan pengajaran yang berasaskan pembelajaran koperatif dan amalan pengajaran yang berasaskan pembelajaran kolaboratif untuk menerapkan KBAT melalui tiga fasa pengajaran yang utama iaitu fasa permulaan, fasa perkembangan dan fasa penutup.





THE PRACTICE OF TEACHING ARABIC LANGUAGE TEACHERS IN HIGHER ORDER THINKING SKILLS IN SECONDARY SCHOOL

ABSTRACT

The practice of applying Higher Order Thinking Skills (HOTS) in the teaching of Arabic language teachers is a practice that needs to be applied explicitly, that is, directly. Although HOTS has long been promoted in the world of education in Malaysia, but the level of knowledge and application of HOTS among Arabic language teachers is still at a moderate level. There is no doubt that there are a handful of Arabic language teachers who apply HOTS in their teaching, but this application is indirect. The current of transformation in the world of education encourages Arabic language teachers to change the traditional way of teaching more to teacher-centered to student-centered teaching through the application of this HOTS. Thus, this study was conducted to explore the teaching practices of applying HOTS of four Arabic language teachers at the secondary school level in the state of Johor.. The three research questions focused on are i) What are the teaching practices of Arabic language teachers to apply the elements of Higher Order Thinking Skills? ii) Why do teachers apply such teaching practices in applying the elements of HOTS during the teaching of Arabic? iii) How can an effective teaching strategy of Arabic language teachers apply the elements of Higher Order Thinking Skills during the teaching of Arabic in the classroom? The study design was a qualitative study in the form of a case study (a multi -site study). The study participants were excellent Arabic language teachers in Johor who were selected through purposive sampling method. Study data were collected through non - participatory observations, semi -structured interviews as well as document analysis. Thematic methods were used to analyze the study data that had been collected. Findings show that the study participants have used three main teaching practices namely role play practice, cooperative learning-based teaching practice and collaborative learning-based teaching practice to implement HOTS through three main teaching phases namely initial phase, development phase and phase closing.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
---	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----



SENARAI JADUAL	xiii
-----------------------	------

SENARAI RAJAH	xv
----------------------	----

SENARAI SINGKATAN	xvi
--------------------------	-----

BAB 1	PENGENALAN	1
--------------	-------------------	---

1.1	Pendahuluan	1
-----	-------------	---

1.2	Latar Belakang Kajian	2
-----	-----------------------	---

1.3	Pernyataan Masalah	7
-----	--------------------	---

1.4	Tujuan Kajian	9
-----	---------------	---

1.5	Objektif Kajian	10
-----	-----------------	----

1.6	Persoalan Kajian	10
-----	------------------	----





1.7 Kerangka Teori Kajian	11
1.7.1 Teori Konstruktivisme Sosial	11
1.8 Kerangka Kajian	13
1.9 Kerangka Konseptual Kajian	14
1.10 Batasan Kajian	17
1.11 Definisi Operasional	18
1.11.1 Amalan	18
1.11.2 Pengajaran	18
1.11.3 Bahasa Arab	19
1.11.4 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	20
1.11.5 Peringkat Menengah Rendah	20



BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	22
2.1 Pendahuluan	22
2.2 Kurikulum Bahasa Arab	23
2.2.1 Objektif Pengajaran Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)	25
2.2.2 Pentaksiran KSSM Bahasa Arab	27
2.2.3 Faktor-faktor yang Mendorong Guru Menerapkan KBAT	30
2.2.4 Strategi Pengajaran Guru Bahasa Arab	32
2.3 Teori Konstruktivisme Sosial	38
2.4 Rumusan	42





BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	43
3.1	Pendahuluan	43
3.2	Reka bentuk kajian	44
3.3	Peserta Kajian	48
3.4	Kaedah Pengumpulan Data Kajian	52
3.4.1	Pemerhatian Tidak Turut Serta	54
3.4.2	Temu Bual Separa Berstruktur	58
3.4.3	Analisis Dokumen	62
3.5	Kesahanan dan Kebolehpercayaan	64
3.5.1	Triangulasi	65
3.5.2	Kajian Rintis	67
3.6	Kaedah Analisis Data	69
3.6.1	Analisis Data Pemerhatian	70
3.6.2	Analisis Data Temu Bual	71
3.6.3	Analisis Data Dokumen	74
3.7	Analisis Semasa Pengumpulan Data	76
3.8	Analisis Selepas Pengumpulan Data	77
3.8.1	Penyaringan data	77
3.8.2	Membentuk kesimpulan	78
3.8.3	Membuat Verifikasi	79
3.9	Rumusan	79
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	80





4.1	Pendahuluan	80
4.2	Dapatan dan Perbincangan Kajian	81
4.3	Latar Belakang Peserta Kajian	81
4.3.1	Ustazah Farhah	82
4.3.2	Ustazah Rozita	84
4.3.3	Ustazah Zurina	85
4.3.4	Ustazah Farihin	86
4.3.5	Rumusan	88
4.4	Amalan Penerapan KBAT Dalam Pengajaran Bahasa Arab	92
4.4.1	Amalan pengurusan aktiviti pengajaran	93
4.4.2	Amalan Penggunaan Alat Bantu Mengajar(ABM)	114
4.4.3	Amalan Penentuan Kaedah Pengajaran	124
4.4.4	Amalan Penilaian Dan Pentaksiran	168
4.5	Signifikan Guru Menerapkan Amalan Pengajaran Menerapkan KBAT	173
4.6	Strategi Berkesan Menerapkan KBAT	188
4.7	Rumusan	201

BAB 5**RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN KAJIAN**

202

5.1	Pendahuluan	202
5.2	Rumusan Kajian	203
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	205





5.3.2	Strategi Menerapkan KBAT Semasa Fasa Permulaan	207
-------	--	-----

5.3.2.2	Strategi Menerapkan KBAT Semasa Fasa Perkembangan	214
---------	---	-----

5.3.2.3	Strategi Menerapkan KBAT Semasa Fasa Penutup	221
---------	--	-----

5.3.3	Kesediaan Tahap Kognitif Murid	223
-------	--------------------------------	-----

5.3.4	Kesediaan Guru Menerapkan KBAT	224
-------	--------------------------------	-----

5.3.4.2	Alat Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	227
---------	---	-----

5.3.4.3	Sokongan Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	227
---------	--	-----

5.3.4.4	Pentadbir Sekolah	228
---------	-------------------	-----

5.3.4.5	Ibu Bapa	229
---------	----------	-----

5.3.4.6	Proses Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	230
---------	--	-----

5.3.4.7	Kepelbagai dan Kesesuaian Aktiviti	230
---------	------------------------------------	-----

5.3.4.8	Nilai Tambah Dalam Pengajaran	231
---------	-------------------------------	-----

5.4	Implikasi Dapatan Kajian	232
-----	--------------------------	-----

5.4.1	Implikasi Dapatan Kajian kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	233
-------	--	-----

5.4.2	Implikasi Dapatan Kajian kepada Kemahiran Bahasa Arab	233
-------	---	-----

5.4.3	Implikasi Dapatan Kajian Terhadap Pengajaran Guru Bahasa Arab	234
-------	---	-----

5.4.4	Implikasi Dapatan Kajian Terhadap Pembelajaran Murid	236
-------	--	-----

5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	237
-----	--------------------------	-----





5.5.1	Kaedah Kajian	237
5.5.2	Sasaran Kajian : Murid	238
5.5.3	Sasaran Kajian : Guru	238
5.6	Rumusan	239
RUJUKAN		240
LAMPIRAN		263





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Tahap Pemikiran KBAT dan Tahap Penguasaan Murid dalam Matapelajaran Bahasa Arab (Adaptasi DSKP Bahasa Arab Tingkatan 1, 2015)	4
2.1 Tahap Penguasaan Murid	26
2.2 Tahap Pemikiran Dalam KBAT	27
3.1 Indeks Persetujuan Cohen Kappa	65
3.2 Indeks Kod Data Pemerhatian	71
3.3 Analisis Temu Bual Menggunakan Jefferson System	72
3.4 Indeks Kod Data Temu Bual	73
3.5 Indeks Kod Bagi Dokumen Rasmi dan Dokumen Tidak Rasmi	75
3.6 Borang Analisis Dokumen	76
4.1 Nama peserta kajian dan karakter/keistimewaan mereka	87
4.2 Profil latar belakang pendidikan peserta kajian	91
4.3 Demografi peserta kajian	92
4.4 Kedudukan Sekolah dan Jenis Sekolah	92
4.5 Rumusan Penyediaan Rekod Pengajaran	94





4.6	Objektif Pengajaran Guru	99
4.7	Analisis Tahap Kognitif	106
4.8	Rumusan Penyediaan Rekod Pengajaran	112
4.9	Rumusan Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM)	124
4.10	Rumusan Kaedah Pengajaran Bahasa Arab	167
5.1	Tahap Tiga (Aplikasi)	225
5.2	Tahap Empat (Analisis)	225
5.3	Tahap lima (Menilai)	226
5.4	Tahap Enam (Mencipta)	226





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Kajian	13
1.2 Kerangka Konseptual Kajian. Adaptasi daripada Kagioglou et al. 2000, Rajendran, 1998 dan Yusri Kamarudin,2019	14
1.3 Hierarki Aras Berfikir. Adaptasi daripada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi Di Sekolah, 2014	15
4.1 Amalan Pengajaran Guru	93
5.1 Fasa Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	208
5.2 Proses Penyoalan di antara guru dan murid	211





SENARAI SINGKATAN

BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GPI	Guru Pendidikan Islam
ISM	Ijazah Sarjana Muda
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBAR	Kemahiran Berfikir Aras Rendah
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KOMSAS	Komponen Sastera
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PT3	Pentaksiran Tingkatan Tiga
SKT	Sukatan Pelajaran Tahunan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvii

UPSI

Universiti Pendidikan Sultan Idris

ZPD

Zon Perkembangan Terdekat



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

- A Halaman Judul
- B Perakuan Keaslian
- C Borang Pengesahan Status Disertasi/Tesis
- D Halaman Penghargaan
- E Halaman Abstrak
- F Halaman Abstract
- G Halaman Kandungan
- H Halaman Senarai Jadual
- I Halaman Senarai Rajah
- J Halaman Senarai Singkatan





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan mengenai konsep utama kajian ini. Bab ini dimulakan dengan latar belakang kajian iaitu meneroka amalan pengajaran guru bahasa arab menerapkan KBAT dalam mata pelajaran bahasa Arab. Bagi menyelesaikan isu dalam kajian ini, matlamat kajian dibincangkan. Selain itu, persoalan kajian diperbincangkan bagi mencapai objektif kajian ini. Kemudian, diikuti dengan definisi operasional, signifikasi kajian dilaksanakan dan limitasi dalam kajian ini dikenalpasti. Bab ini diakhiri dengan kesimpulan secara keseluruhan perbincangan dalam bab ini.



1.2 Latar Belakang Kajian

Guru merupakan aset penting sesebuah negara. Tugas seorang guru bukan hanya setakat mengajar di dalam kelas, guru berperanan mencorakkan hala tuju kehidupan seseorang murid. Guru ialah pendidik dan pembimbing yang bertanggungjawab mengembangkan jasmani dan rohani murid agar mencapai kedewasaannya sehingga murid dapat berdikari melaksanakan tugas sebagai hamba Allah di muka bumi ini.

Menerusi pencarian laman web [https://www.moe.gov.my/en/statistik-
menu/statistik-](https://www.moe.gov.my/en/statistik-menu/statistik-) bilangan-sekolah-murid-guru, data yang diperoleh daripada data e-operasi bertarikh 31 Januari 2019, bilangan guru seluruh Malaysia ialah 419,904 yang terdiri daripada 182,587 guru sekolah rendah dan 237,317 orang guru sekolah menengah. Jumlah guru seramai ini menunjukkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat mengutamakan guru sebagai entiti penting dalam usaha membentuk modal insan di Malaysia.

Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), guru disenaraikan sebagai pihak yang berkepentingan dalam memacu sistem pendidikan negara. Bagi mencapai keberhasilan murid yang dihasratkan, guru akan meningkatkan keupayaan bertaraf dunia dengan menikmati perkembangan profesional yang lebih memuaskan, laluan kerjaya yang lebih baik dan proses penilaian yang telus dan adil serta berkait terus dengan keupayaan dan prestasi yang relevan. Semua guru di Malaysia perlu menyahut seruan dan hasrat kerajaan bagi memastikan PPPM yang disasarkan bermula dari tahun 2013 sehingga 2025 ini akan dapat direalisasikan.



Pihak pentadbir, warga sekolah serta ibu bapa memainkan peranan penting membantu guru dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab ini.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, sistem pendidikan merupakan asas penting bagi membangunkan sesebuah masyarakat dan negara. Dasar pendidikan yang dilaksanakan bukan hanya bertujuan untuk memberi pelajaran di sekolah semata-mata tetapi sebagai alat untuk melahirkan modal yang kamil untuk agama, bangsa dan negara. PPPM (2013-2025) merupakan pelan yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Selaras dengan ini, pada tahun 2013, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah diperkenalkan bagi menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). KSSM bagi subjek bahasa Arab di sekolah menengah pula bermula pada tahun 2017. Pada tahun berkenaan, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) daripada setiap negeri telah mengadakan kursus dan taklimat kepada semua wakil guru bahasa Arab di setiap sekolah bagi memberi pendedahan serta gambaran yang jelas tentang KSSM bahasa Arab yang baru digubal oleh pihak KPM. Tahun 2019 merupakan tahun pertama Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) bagi subjek bahasa Arab KSSM. Antara perubahan besar yang berlaku dalam subjek ini ialah penerapan elemen KBAT secara eksplisit dalam silibus pelajaran. Tahap pemikiran KBAT yang dihasratkan oleh KPM untuk dilaksanakan oleh semua guru bahasa Arab secara tidak langsung berkait rapat dengan tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran bahasa Arab. Perkaitan ini dapat dilihat dengan jelas melalui jadual di bawah:



Jadual 1.1

Tahap Pemikiran KBAT dan Tahap Penguasaan Murid dalam Matapelajaran Bahasa Arab (Adaptasi DSKP Bahasa Arab Tingkatan 1, 2015)

TAHAP PEMIKIRAN KBAT	PENERANGAN	TAHAP PENGUASAAN MURID DALAM BAHASA ARAB	PENERANGAN
MENGAPLIKASI	Menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara	3	Murid boleh menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi
MENGANALISIS	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan mendalam serta hubungkait antara bahagian berkenaan	4	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab, iaitu mengikut prosedur dan secara sistematis
MENILAI	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, nilai dan memberi justifikasi	5	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab, iaitu mengikut prosedur/se secara sistematis, tekal dan bersikap positif
MENCIPTA	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif	6	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab, iaitu mengikut prosedur/se secara sistematis, tekal dan bersikap positif, kreatif dan inovatif serta boleh dicontohi



Berdasarkan jadual di atas, jelas menunjukkan bahawa tahap pemikiran aras tinggi adalah bermula dengan tahap tiga iaitu tahap mengaplikasi, tahap empat iaitu tahap menganalisis, tahap lima iaitu tahap menilai dan tahap tertinggi dalam aras pemikiran ialah tahap enam iaitu tahap mencipta. Definisi setiap aras pemikiran dalam mata pelajaran bahasa Arab tidak sama dengan mata pelajaran yang lain kerana pengaplikasian makna setiap aras adalah berbeza dan mempunyai interpretasi yang tersendiri yang bersesuaian dengan mata pelajaran bahasa Arab. Bagi mata pelajaran bahasa Arab, kemahiran berfikir menjadi sebagai salah satu elemen penting yang dilaksanakan dalam kurikulum sekolah bagi meningkatkan pemikiran murid dan keupayaan memperoleh ilmu dengan lebih berkesan. Murid yang menguasai kemahiran berfikir akan berfikir dahulu sebelum melakukan sesuatu tindakan di samping memandu murid menggunakan bahasa yang baik dalam menghasilkan idea-idea yang bernas, jitu dan kritikal. KBAT pula merupakan aras tinggi dalam hieraki proses kognitif. Ini berlaku apabila seseorang mendapat maklumat baharu, menyimpan, menyusun, serta mengaitkannya dengan pengetahuan sedia ada dan akan memanjangkan maklumat itu untuk mencapai sesuatu tujuan atau penyelesaian situasi yang rumit (Rajendran, 2014; A.Rahman, 2015).

Tahap profesionalisme dan kemampuan seorang guru akan terserlah apabila guru menguasai aspek pengetahuan dan kemahiran dalam mempengaruhi kemahiran berfikir dalam kalangan para murid dengan mengemukakan soalan-soalan yang membolehkan murid berfikir secara kritis dan kreatif semasa proses pengajaran dan pembelajaran (Talhah, 2016). Ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh (Zamri, 2014) yang mendapati bahawa guru yang berpengetahuan dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi akan melahirkan murid yang dapat berfikir secara kritikal. Di samping itu,





guru-guru ini juga dapat mengaplikasikan pelbagai teknik pengajaran seperti menyelesaikan masalah, membuat keputusan, membuat inferensi, mencadangkan idea-idea baru dan menganalisis aktiviti yang memenuhi kriteria KBAT. Menurut Noriati, Boon & Sharifah, (2017), guru perlu mempunyai kemampuan untuk menerapkan elemen KBAT dengan cara yang berkesan seperti mengemukakan soalan-soalan yang mempunyai ciri-ciri KBAT.

KBAT merupakan kemahiran yang sangat penting dalam pendidikan abad ke-21. Namun begitu, pengintegrasian KBAT dalam pengajaran guru di sekolah masih berada pada tahap yang rendah (Rosma et al. 2012). Di samping itu, pengajaran guru yang berasaskan KBAT mempunyai unsur pemikiran lateral, logik, kritis, kreatif, amalan reflektif dan metakognitif. Menurut Faziah et. al, (2017), keupayaan untuk memindahkan kemahiran dalam situasi yang pelbagai adalah sangat penting dan ia diperlukan dalam hidup seseorang. Seorang pemikir yang berkemahiran akan memahami bagaimana untuk menyesuaikan situasi pembelajaran sehingga berjaya mencari jalan penyelesaian dalam situasi yang baru. Oleh itu, KBAT ini penting untuk meningkatkan pengetahuan dan pencapaian murid dalam pembelajaran.

Dalam hal ini, guru bahasa Arab memainkan peranan yang penting sebagai penggerak pemikiran murid agar murid dapat menguasai kemahiran berfikir dengan baik. Ini merupakan cabaran besar bagi tenaga pengajar bahasa Arab kerana sebelum ini, guru-guru sepenuhnya menekankan aspek isi kandungan pelajaran berbanding berfikir dan elemen-elemen lain. Kajian ini akan membuka suatu dimensi baru iaitu berfikir di luar kotak dimana ia bermula daripada KBAT itu sendiri. Oleh yang demikian, guru bahasa Arab hendaklah sentiasa cakna dan peka dengan keadaan sekeliling terutamanya berkaitan dengan strategi pelaksanaan KBAT dalam





matapelajaran bahasa Arab seperti mempraktikkan aktiviti eksplorasi dan eksperimentasi, permainan bahasa, animasi, pembelajaran berasaskan murid secara optimum.

1.3 Pernyataan Masalah

Isu berkaitan amalan pengajaran guru merupakan suatu isu yang tidak asing lagi diperkatakan dewasa ini. Walaupun pelbagai amalan pengajaran telah mengalami perubahan selaras dengan transformasi pendidikan terkini, namun tidak dapat dinafikan bahawa guru kurang pengetahuan serta kemahiran berkaitan amalan pengajaran yang terkini dan berkesan dalam menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Ini dapat dibuktikan melalui kajian tinjauan yang dijalankan oleh Hasnah & Jamaludin (2017), terhadap 118 orang guru bahasa Melayu di Wilayah Persekutuan Putrajaya menunjukkan bahawa perlu ada peningkatan serta penambahbaikan dari sudut pengetahuan dan pemahaman guru dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran Bahasa Melayu kerana tahap pengetahuan dan pemahaman guru berada pada tahap yang sederhana.

Tambahan lagi, melalui kajian yang dijalankan oleh Anida et al. (2018), dapatan kajian menunjukkan walaupun guru-guru bahasa Melayu menerapkan CoRT dan alat berfikir PMI (Plus, Minus, Interesting) dalam pedagogi Bahasa Melayu, namun ia masih diperangkat sederhana kerana guru-guru belum menguasainya secara optimum. Hal ini diperkuuhkan melalui dapatan kajian yang dijalankan oleh Norazlin Ruslin, (2019), iaitu walaupun guru berfikiran positif terhadap elemen Kemahiran Berfikir





Aras Tinggi yang terkandung dalam pembelajaran abad ke 21, namun amalan pengajaran guru perlu ditambah baik dari semasa ke semasa supaya amalan pengajaran tidak statik dan sentiasa berubah ke arah yang lebih baik dan berkesan.

Hal ini terjadi kerana guru-guru masih terikat dengan amalan pengajaran yang bersifat tradisional dan konservatif. Ini dibuktikan melalui kajian yang dijalankan oleh P. Zulharby, (2019) yang menunjukkan bahawa para pensyarah bahasa Arab kurang mengimplementasikan teknologi dalam pengajaran dan mengalami masalah dari sudut persedian mengajar Kemahiran Berfikir Aras Tinggi sehingga menyebabkan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi kurang di implementasikan dalam pengajaran pelajar di peringkat universiti.

Ini selari dengan dapatan kajian awalan yang dijalankan oleh pengkaji berkaitan tahap kompetensi guru bahasa Arab menerapkan KBAT dalam pengajaran di peringkat sekolah menengah. Dapatan kajian awalan menunjukkan bahawa tahap kompetensi guru dari sudut tahap pemahaman, kemahiran dan pelaksanaan adalah pada tahap sederhana dengan nilai min 3.5014 dan hanya tahap pengetahuan guru menerapkan KBAT sahaja berada di tahap tinggi dengan nilai min 3.6897. Antara faktor yang menyebabkan masalah ini berlaku ialah pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan secara konvensional dan tidak aktif (Ishak 2009; Harison 2008; Rajendran 2001). Dalam kebanyakan situasi, guru hanya berfungsi sebagai pemberi maklumat dan pelajar bertindak sebagai penerima maklumat (Rian & Kamisah 2012).

Keadaan ini tidak menggalakkan interaksi dua hala yang membantu kepada proses berfikir. Selain itu, guru-guru seringkali menyogokkan murid-murid dengan jawapan-jawapan setelah mengajukan soalan pada peringkat pengetahuan dan





pemahaman murid yang bertumpu kepada penyoalan beraras rendah sehingga menjadikan mereka malas untuk berfikir (Seman, 2005). Proses pengajaran yang bersifat sehalia ini menyebabkan pelajar hanya menghafal konsep sesuatu pembelajaran, sehingga aspek berfikir pelajar diabaikan (Rian & Kamisah 2012). Menurut Rahimi, Hussin, & Normeza (2014) pula, pembelajaran secara tradisional yang diamalkan di sekolah rendah yang hanya menumpukan kepada penambahan dalam kosa kata bahasa dan unit leksikal setiap hari juga masih gagal melahirkan murid yang dapat mengingat dan memahami makna sesuatu perkataan.

Justeru, pengkaji mengambil inisiatif untuk meneroka amalan pengajaran guru bahasa Arab dalam melaksanakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di sekolah menengah bagi melengkapai kajian-kajian yang pernah dilakukan sebelum ini. Hal ini kerana pelaksanaan pengajaran bahasa Arab ini melibatkan pelbagai dimensi dalam amalan pengajaran seperti amalan dalam penyediaan Bahan Bantu Mengajar (BBM), amalan menentukan kaedah pengajaran, amalan dalam aktiviti menyoal murid dan amalan dalam mentadbir urus pentaksiran. Walau apa dan bagaimana kajian ini dijalankan, ia bertitik tolak daripada permasalahan dan isu-isu yang timbul ke arah penambahbaikan amalan pengajaran guru bahasa Arab.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi meneroka amalan pengajaran guru bahasa Arab dalam menerapkan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Tujuan kajian ini dilaksanakan bagi memenuhi objektif-objektif yang telah digariskan seperti berikut :





1.5 Objektif Kajian

Secara khususnya, kajian ini dijalankan untuk memenuhi objektif-objektif kajian seperti berikut:

- 1) Meneroka amalan pengajaran guru bahasa Arab menerapkan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.
- 2) Menganalisis faktor-faktor amalan pengajaran guru bahasa Arab menerapkan KBAT semasa pengajaran bahasa Arab.
- 3) Menghuraikan strategi menerapkan elemen KBAT yang berkesan terhadap mata pelajaran bahasa Arab.

1.6 Persoalan Kajian



Berdasarkan objektif kajian, terdapat tiga persoalan kajian, iaitu:

- 1) Apakah amalan pengajaran guru bahasa Arab bagi menerapkan elemen KBAT?
- 2) Mengapakah guru menerapkan amalan pengajaran tersebut dalam menerapkan elemen KBAT semasa pengajaran bahasa Arab?
- 3) Bagaimanakah strategi pengajaran guru bahasa Arab yang berkesan menerapkan elemen KBAT semasa pengajaran bahasa Arab di dalam kelas.





1.7 Kerangka Teori Kajian

Kajian berkaitan penerapan elemen KBAT dalam pengajaran guru bahasa Arab ini didasari oleh teori pembelajaran iaitu teori konstruktivisme sosial.

1.7.1 Teori Konstruktivisme Sosial

Konstruktivisme ialah suatu konsep fahaman bahawa murid membina sendiri pengetahuan berdasarkan pengalaman yang diperolehi melalui proses refleksi untuk menyesuaikan model minda bagi menghadapi pengalaman yang baharu (Rajendran 2008). Pengalaman yang terhasil ini memainkan peranan penting dalam memberikan rangsangan terhadap minda kanak-kanak (Ygotsky, 1978; Rogoff, 1999). Menurut pandangan konstruktivisme juga, murid diberi ruang dan peluang untuk mencerahkan idea dan pemikiran, pandangan dan pendapat serta membahaskan idea-idea tersebut melalui cara pemikiran murid itu sendiri dan sekaligus dapat membantu murid tersebut mengetahui kelemahan dalam pemahaman pemikiran tersebut (Yusri Kamarudin 2019; Madhuri et al. 2012).


Selaras dengan kemahiran berfikir, Bruner (1996) mengatakan bahawa murid dapat mencerahkan idea dan pendapat apabila murid didedahkan kepada dunia sebenar dan memasukkan diri murid itu sendiri dalam persekitaran pembelajaran. Menurut Rajendran (2017), teori konstruktivisme ini menekankan kepada prinsip bahawa pembelajaran ialah proses membina sesuatu makna melalui isu yang berlaku dan difahami secara keseluruhan. Murid bukan menghafal sesuatu fakta atau maklumat,



tetapi murid meluahkan makna daripada orang lain. Menurut Grennon (1993), konflik kognitif yang terbina hasil daripada salah tanggap dan pengetahuan lampau murid adalah baik dalam menghasilkan suatu pemahaman yang lebih mendalam. Oleh itu, pengetahuan baru dapat dihasilkan apabila pengetahuan murid itu diperbetulkan dan diuji (Cubukcu, 2008).

Selain itu, antara elemen lain yang terkandung dalam pembelajaran konstruktivisme ialah motivasi. Motivasi menggalakkan murid belajar secara aktif bagi memahami sesuatu ilmu baharu yang diperoleh (Rohaty, 2018). Namun, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat beberapa kelemahan dalam konsruktivisme iaitu apabila sesi pengajaran dan pembelajaran tidak dirancang dengan baik, maka suasana pembelajaran akan menjadi hambar dan tidak menyeronokkan kerana tiada penglibatan aktif murid (Rohaty, 2008). Pengajaran bahasa Arab dalam suasana yang menyeronokkan serta murid terlibat secara aktif dalam setiap aktiviti yang telah dirancang dengan baik oleh guru akan menimbulkan pengalaman pembelajaran yang istimewa dalam diri seseorang murid tersebut. Dengan ini, suatu kesedaran dapat dibina bahawa bagi mencapai sesuatu matlamat, pembelajaran bahasa Arab perlu diberi nafas baharu dengan menghubungkan pengalaman-pengalaman murid dengan pembelajaran mereka (Awatif, 2019). Maka, murid dapat merasai situasi pembelajaran yang nyata hasil daripada aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan (Nugroho & Nailur, 2018).


1.8 Kerangka Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Kajian

1.9 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan teori konstruktivisme sosial, pengkaji dapat membina kerangka konseptual kajian. Kerangka ini dibangunkan berdasarkan beberapa pandangan pakar serta kajian-kajian lepas yang dijadikan sebagai maklumat tambahan kepada kajian ini.



Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian. Adaptasi daripada Kagioglou et al. 2000, Rajendran, 1998 dan Yusri Kamarudin, 2019

Kerangka konseptual kajian ini melihat hubungan antara amalan penerapan KBAT dengan bahasa Arab sebagai mata pelajaran yang dikaji dalam kajian ini. Kajian ini dijalankan untuk meneroka amalan penerapan KBAT dalam pengajaran guru bahasa Arab serta signifikan pemilihan amalan tersebut untuk diimplementasikan dalam pengajaran guru bahasa Arab di sekolah menengah. Pengajaran guru bahasa Arab dalam menerapkan KBAT diukur berdasarkan kepada pengetahuan dan kemahiran guru terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi agar Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dapat diterapkan semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung berdasarkan aras pemikiran dalam KBAT.



Rajah 1.3. Hierarki Aras Berfikir. Adaptasi daripada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi Di Sekolah, 2014

Gambaran tahap pemikiran dalam Taksonomi Bloom semakan Anderson (1956)

menunjukkan bahawa tahap pemikiran meningkat daripada aras mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai sehingga mencipta. Taksonomi Bloom mengkategorikan kemahiran dan kognitif yang ingin dicapai oleh melalui tiga domain utama iaitu domain kognitif, domain afektif dan psikomotor. Pada asalnya, domain kognitif taksonomi bloom ini hanya dibahagikan kepada enam aras. Namun, beberapa perubahan telah berlaku sekitar tahun 1990-an dan perubahan ini berlaku secara berperingkat. Antara perubahan yang berlaku ialah perubahan dari sudut terminologi iaitu tema pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian di ubah kepada mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta (Anderson et al. 2001).

Maka, berlaku percanggahan pendapat tentang dimanakah bermulanya KBAT. Menurut (Limbach & Waugh 2010; Moseley 2005), KBAT berada pada tiga kategori



yang terakhir dalam taksonomi bloom. Pandangan kedua pula mengatakan bahawa KBAT bermula pada tahap ketiga sehingga tahap keenam iaitu bermula daripada mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta (Rajendran, 2008). Berdasarkan kedua-dua pandangan ini, pengkaji mengetahui bahawa Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) telah menggunakan pendapat kedua dalam menentukan tahap KBAT dalam sistem Pendidikan Malaysia (KPM). Oleh yang demikian, BPK juga telah menyediakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi setiap mata pelajaran bagi memudahkan guru-guru menerapkan elemen KBAT mengikut aras yang telah ditetapkan. Tambahan lagi, kemahiran abad ke 21 juga terkandung di dalam DSKP ini dengan menyebut :

“Satu daripada hasrat KSSM adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai

Kemahiran Abad ke21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad ke21 bermatlamat melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam Jadual 1.1 supaya berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran dalam kurikulum Bahasa Arab menyumbang kepada pemerolehan kemahiran abad ke 21 dalam kalangan murid.”

Maka, DSKP bagi matapelajaran bahasa Arab dijadikan sebagai sumber rujukan utama guru-guru bahasa Arab. Kurikulum yang terkandung di dalam DSKP ini bermatlamat mengukuhkan kemahiran berbahasa murid di peringkat menengah rendah supaya mereka mampu berinteraksi dengan guru, rakan-rakan di dalam kelas dan seterusnya mereka dapat berkomunikasi dengan baik dalam masyarakat. Di samping itu, sahsiah serta nilai murni seseorang murid dapat dipertingkatkan. Aplikasi dalam



pertuturan, pembacaan dan penulisan ditekankan secara eksplisit manakala tatabahasa diajar secara tidak langsung.

1.10 Batasan Kajian

Pengkaji membataskan kajian ini melalui perkara-perkara berikut:

- i) Tumpuan kajian ini hanya menumpukan kepada elemen KBAT yang diterapkan dalam pengajaran matapelajaran bahasa Arab KSSM di sekolah menengah sahaja.
- ii) Tumpuan kajian ini juga lebih menfokuskan kepada konteks pelaksanaan proses pengajaran penerapan unsur KBAT bahasa Arab yang diamalkan oleh guru bahasa Arab di dalam bilik darjah sahaja. Tidak kepada proses pelaksanaan di luar bilik darjah. Disebabkan kajian ini merupakan satu kajian penerokaan tentang fenomena sebenar yang berlaku dalam pengajaran guru bahasa Arab, maka aspek pencapaian dan keberkesanan proses pengajaran berbentuk proses pengujian tidak diberi penekanan. Justeru, tumpuan kepada aspek proses pengajaran sahaja yang akan diterokai secara mendalam.
- iii) Peserta kajian adalah terdiri daripada Guru Cemerlang bahasa Arab (GCBA) di negeri Johor yang mengajar bahasa Arab di Peringkat Menengah Rendah sahaja.
- iv) Peringkat Menengah Rendah dalam kajian ini membataskan pelajar tingkatan satu dan dua sahaja kerana mereka merupakan sebahagian pelajar yang mempelajari bahasa Arab di Peringkat Menengah Rendah berdasarkan sistem pendidikan Malaysia.

1.11 Definisi Operasional

Beberapa konsep dan istilah yang dibincangkan dalam skop kajian ini diperjelaskan mengikut kesesuaian tujuan kajian. Istilah utama yang didefinisikan ialah:

1.11.1 Amalan

Amalan memberi makna perlakuan dan aktiviti yang sentiasa dilaksanakan sehingga menjadi suatu kebiasaan dalam kehidupan (Yusri Kamarudin, 2019, Zanaton 2012; Misnan 2008). Aisah (2017) pula menyatakan bahawa amalan merupakan suatu tindakan yang dilakukan secara lazim dan teratur dalam suatu proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, secara operasionalnya istilah amalan bermaksud satu aktiviti dan tindakan untuk menerapkan KBAT dalam proses pengajaran seseorang guru bermula daripada perancangan pengajaran, aktiviti pengajaran sehingga pengajaran berakhir.

1.11.2 Pengajaran

Istilah pengajaran merujuk kepada satu proses menyampaikan maklumat dan memberi pengalaman yang akan mengubah tingkah laku pelajar secara kekal dan proses memberi peluang kepada pelajar mendapatkan pengalaman dan meningkatkan kefahaman dan perubahan secara tekal (Esah 2004). Shahabuddin et al. (2003) pula menjelaskan bahawa sesuatu tugasan dan aktiviti yang diusahakan bersama oleh guru dan muridnya



serta dirancang oleh guru secara sistematik dengan menggunakan kaedah dan teknik yang sesuai bagi mencipta proses belajar dan menatijahkan perubahan tingkah laku yang secara relatifnya kekal sama ada dalam bentuk yang eksplisit ataupun implisit.

Mok (2012) pula berpendapat, pengajaran merupakan aktiviti atau proses serta tugas yang berkaitan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran tertentu dalam konteks formal. Ia juga meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian atau proses komunikasi yang diusahakan bersama oleh guru dan muridnya dengan cara yang berkesan dan melibatkan proses interaksi antara guru dan pelajar. Dalam konteks kajian ini, pengajaran merujuk kepada cara guru menyampaikan pengajaran ataupun menerapkan KBAT di dalam bilik darjah.



1.11.3 Bahasa Arab

Bahasa Arab ialah mata pelajaran yang ditawarkan di beberapa buah sekolah menengah Malaysia. Kajian ini merujuk kepada bahasa Arab Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang bermatlamat meneguhkan kemahiran berbahasa murid agar murid bukan sahaja mampu berkomunikasi dalam masyarakat dengan baik, malah mampu membentuk akhlak dan nilai yang terpuji melalui ilmu pengetahuan yang diperoleh. (DSKP bahasa Arab, 2015).





1.11.4 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi merujuk kepada proses penaakulan terhadap sesuatu maklumat itu secara kritis. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran, guru cenderung meminta murid berfikir situasi atau fenomena yang tidak terkandung di dalam buku teks. Murid digalakkan memberikan pendapat mereka sendiri tentang sesuatu perkara atau isu yang sedang dibincangkan. Dalam konteks pembelajaran bahasa arab, guru berperanan sebagai pemudahcara dalam membudayakan bahasa Arab dalam kalangan murid di sekolah. Guru mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif dan menyeronokkan serta menggalakkan murid terlibat secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Guru sentiasa mewujudkan soalan-soalan yang dapat merangsang minda murid mempelajari bahasa Arab. Strategi pengajaran dan bahan bantu mengajar yang pelbagai akan menggalakkan budaya berfikir murid.



1.11.5 Peringkat Menengah Rendah

Berdasarkan Kementerian Pendidikan Malaysia (2014), sistem Pendidikan Kebangsaan di peringkat sekolah di bawah Kategori Institusi Pendidikan Kerajaan, Pendidikan Menengah ialah pendidikan yang terdiri daripada pendidikan menengah rendah dan menengah atas. Manakala pendidikan menengah yang diadakan terdiri daripada sekolah akademik, sekolah teknik dan vokasional, sekolah kebangsaan agama dan Pendidikan Lepas Menengah, iaitu pendidikan yang disediakan untuk seseorang yang sudah tamat mengikuti pendidikan menengah rendah dan menengah atas, tetapi tidak termasuk pendidikan tinggi. Persekolahan di bawah Kategori Institusi Pendidikan Bantuan





Kerajaan pula adalah bagi Sekolah Berasrama Penuh yang ditanggungjawabkan kepada Unit Sekolah Berasrama Penuh Bahagian Sekolah.

Justeru, Pendidikan Menengah Rendah bermaksud pendidikan yang diterima oleh semua pelajar dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga yang belajar di sekolah menengah di Malaysia. Dalam konteks kajian ini, secara operasionalnya merujuk kepada pengajaran guru bahasa Arab yang mengajar mata pelajaran bahasa Arab Tingkatan Satu dan Dua di Peringkat Menengah Rendah. Mata pelajaran bahasa Arab ini dipelajari secara rasmi di sesetengah buah sekolah menengah yang mempelajari bahasa Arab sebagai mata pelajaran pilihan atau tambahan.

1.12 Rumusan



Secara keseluruhannya, bab ini memberi gambaran berkaitan isu penerapan elemen KBAT dalam pengajaran guru bahasa Arab yang perlu diberi perhatian dan dilakukan penerokaan bagi menjelaskan lagi fenomena sebenar yang berlaku secara mendalam dan terperinci. Dalam bab seterusnya, menjelaskan kajian-kajian lepas berkaitan teori-teori yang terlibat, kurikulum matapelajaran bahasa Arab, pengajaran guru bahasa Arab, amalan penerapan elemen KBAT dalam matapelajaran lain secara umum dan mata pelajaran bahasa Arab secara khusus.

